

## APAKAH ITU PENAWARAN TERBUKA?

Penawaran Terbuka bermaksud satu program penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam yang dianjurkan oleh pemaju namun **diberikan kelonggaran syarat kelayakan kepada pemohon/bakal pembeli** sekiranya memenuhi syarat kelayakan melalui '**semakan dokumen**' daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

## APAKAH SYARAT KELAYAKAN PEMOHON UNTUK PENAWARAN TERBUKA ?

Syarat kelayakan pemohon bagi **Rumah Selangorku Jenis B, C dan D sahaja** adalah seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
- iii. Pemilikan rumah **bukan berdasarkan isirumah** (*pasangan suami/isteri*) tetapi **berdasarkan individu / pemohon sahaja** ;
- iv. **Pendapatan** pemohon hingga **RM10,000 sebulan**.
- v. Pemohon tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Sekiranya ada kediaman di luar Selangor, perlu dikemukakan bukti Perjanjian Jual Beli.
- vi. Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah (Jenis A) selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon Rumah Selangorku Jenis B, C dan D dengan melengkapkan permohonan secara manual melalui borang kos rendah (SPP01) yang boleh dimuat turun dilaman sesawang LPHS iaitu ;  
<http://lphs.selangor.gov.my/index.php/pages/view/123>

## Q&A - PENAWARAN TERBUKA UNTUK PEMOHON / BAKAL PEMBELI

**BORANG SPP01**  
BORANG PENDAFTARAN PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH

No. Kumpulan:

**UNTUK KESEKUTUAN PEJABAT**

BORANG INI DITERIMA OLEH:  Cop

Nama:

Tandatangan:

Tarikh:

\* PILIHAN KAWASAN (Sila pilih kawasan mengikut keutamaan Daerah dan Mukim yang anda ingin pohon. Sila rujuk Panduan Kod Daerah dan Mukim)

\* Pilihan Kawasan:  Daerah:  Mukim:

**BUTIR-BUTIR DIRI PEMOHON**

Nama Pemohon:

No KP Lama / Polis/Tempat:

No KP Baru:  Tarikh Lahir:  /  /

Bangsa:  Melayu  Cina  India  Lain-lain (nyatakan)

Jantina:  Lelaki  Perempuan Taraf Perkahwinan:  Berkahwin  Bujang  Duda  Balu / Janda

Kecacatan:  Tidak  Ya (Sila tempelkan dokumen sokongan)

Alamat Suruh-Mengurus:

Sila klik pada ; Borang  
Permohonan Pendaftaran Rumah  
SelangorKu Jenis A

Setelah itu, pemohon perlu mengemukakan bersama dengan surat permohonan rayuan untuk penawaran Rumah Selangorku bersekali dengan salinan Perjanjian Jual-Beli rumah pemohon (Jenis A / rumah kos rendah sedia ada).

vii Pemohon perlu berdaftar di LPHS.

## APAKAH DOKUMEN DIPERLUKAN SEMASA PROGRAM PENAWARAN TERBUKA?

Semasa Penawaran Terbuka diadakan, LPHS ditugaskan untuk menyemak permohonan orang awam/bakal pembeli berdasarkan syarat kelayakan dan dokumen yang lengkap sahaja diberikan keutamaan untuk ditawarkan. Untuk itu, **pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan** semasa program diadakan seperti berikut :

<b>DOKUMEN SOKONGAN DIPERLUKAN</b>
➤ Penyata CCRIS atau CTOS yang memaparkan rekod CCRIS (pemohon sahaja) (tidak kurang tempoh 3 bulan dari tarikh program penawaran terbuka)
➤ Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan (suami / isteri)
<b><u>TARAF PERKAHWINAN PEMOHON:</u></b>
<b><u>Berkahwin / Duda / Balu / Janda</u></b>
➤ Salinan surat nikah /sijil daftar perkahwinan / surat cerai/ surat kematian*
<b><u>Bujang / Belum Berkahwin</u></b>
➤ Surat pengesahan bujang daripada majikan (menggunakan <i>letter head</i> jabatan / syarikat / cop syarikat) <b>ATAU</b> Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah

**MAKLUMAT PEKERJAAN & PENDAPATAN:**

**Bekerja & Mempunyai Majikan**

- Salinan Penyata Gaji **TERKINI** pemohon  
(tidak kurang tempoh 3 bulan dari tarikh program penawaran terbuka)
- Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) **TERKINI** pemohon

**Bekerja Sendiri**

- Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah pemohon

**Pendapatan Lain**

- Slip / Baucer / Resit Bayaran **ATAU** Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah

**Pesara**

- Salinan Kad Pesara dan Penyata Pencen **TERKINI** pemohon

**SAYA BELUM BERDAFTAR DALAM SISTEM PENDAFTARAN RUMAH SELANGORKU, BOLEHKAH SAYA MEMOHON SEMASA HADIR PROGRAM PENAWARAN TERBUKA DIADAKAN ?**

**Boleh dan permohonan akan diproses** namun pemohon perlu melengkapkan **borang SPP01 secara manual.**

Walaupun bagaimanapun, pemohon **digalakan untuk berdaftar** dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku sehingga kategori permohonan berstatus **'BERJAYA DIDAFTARKAN'**. Ini bagi memudahkan urusan semakan dokumen semasa program Penawaran Terbuka diadakan dan memudahkan proses pengeluaran surat tawaran. **Pemohon yang telah berdaftar dalam sistem tidak perlu mengisi borang SPP01.**

## BILA SURAT TAWARAN AKAN DIKELUARKAN ?

Semasa penawaran diadakan, pemohon yang **berjaya ditawarkan** Rumah Selangorku, pemohon akan diberikan keratan Pra-Kelayakan Tawaran daripada LPHS. Selepas itu, nama tersebut akan dibawa ke peringkat kelulusan dan surat tawaran akan dikeluarkan dalam tempoh **21 hari dari tarikh program diadakan**. Seterusnya, pemohon boleh berurusan dengan pihak pemaju bagi mendapatkan surat tawaran daripada LPHS.

## BAGAIMANAKAH SAYA HENDAK MENGETAHUI PROGRAM PENAWARAN TERBUKA ?

Senarai projek yang telah melaksanakan Penawaran Terbuka adalah seperti berikut ;

NAMA PROJEK	DAERAH	MUKIM	NAMA PEMAJU	NO TELEFON
<b>DE KIARA, SETIA ALAM</b> (JENIS C)	PETALING	BUKIT RAJA	SP SETIA BERHAD	03-33432255
<b>DE PALMA, SETIA ALAM</b> (JENIS C)	PETALING	BUKIT RAJA	SP SETIA BERHAD	03-33432255
<b>M RESIDENCE 2</b> (JENIS C)	GOMBAK	RAWANG	ELITE PARK DEV. SDN BHD	03-60928188
<b>PANGSAPURI ASTERIA,</b> BANDAR PARKLANDS (JENIS C)	KLANG	KLANG	GABUNGAN EFEKTIF SDN BHD	03-33243255
<b>APARTMENT TRIFOLIS,</b> <b>BUKIT TINGGI</b> (JENIS D)	KLANG	KLANG	GEMILANG WARAS SDN BHD	03-33243255
<b>BANDAR BUKIT RAJA FASA</b> <b>17A</b> (JENIS D)	KLANG	KAPAR	SIME DARBY USJ DEV. SDN BHD	03-33617288
<b>SIMFONI APARTMENTS</b> (JENIS B)	HULU LANGAT	BERANANG	ECO MAJESTIC SDN BHD	03-87232255
<b>VILLA KESUMA</b> (TOWNHOUSE JENIS D)	HULU LANGAT	BERANANG	AGENDA ISTIMEWA SDN BHD	03-78460992
<b>PANGSAPURI JENDERAM</b> <b>INDAH</b> (JENIS C)	SEPANG	DENGKIL	WANDEERFULL PROPERTY DEV SDN BHD	03-22826633
<b>ERISTANA</b> (TOWNHOUSE 3 TINGKAT JENIS D)	KUALA SELANGOR	IJOK	SERISTANA SDN BHD	03-55128989

**BOLEHKAH SAYA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SELEPAS PROGRAM PENAWARAN TERBUKA ?**

Sekiranya semasa program penawaran terbuka diadakan masih terdapat unit yang belum habis terjual. Pemohon yang berminat boleh **berhubung terus kepada pemaju** dengan mengemukakan dokumen semakan yang diperlukan oleh LPHS. Susulan daripada itu, pemaju akan mengemukakan permohonan pemohon kepada LPHS untuk 'semakan dokumen' sama ada pemohon layak atau tidak.

**BAGAIMANA PROSES PINJAMAN PERUMAHAN SAYA ?**

LPHS hanya dipertanggungjawabkan untuk memastikan penawaran nama melalui pengeluaran surat tawaran dibuat kepada pemohon yang berkelayakan sahaja. Manakala urusan proses pinjaman perumahan perlu merujuk terlebih dahulu kepada pihak pemaju sekiranya terdapat panel-panel bank yang dilantik ataupun pemohon berurusan sendiri dengan pihak bank berkaitan.

**BOLEHKAH SAYA MEMOHON SEKIRANYA BELUM MEMILIKI KEDIAMAN SEDANGKAN PASANGAN SAYA TELAH MEMILIKI KEDIAMAAN ?**

**Boleh**, kerana syarat kelayakan permohonan Penawaran Terbuka **bukan berdasarkan isirumah** (*pasangan suami/isteri*) tetapi **berdasarkan individu / pemohon sahaja** ;

**BOLEHKAH SAYA MEMBUAT PENAMBAHAN NAMA PASANGAN / IBU BAPA / ADIK BERADIK ?**

**Boleh**, dengan syarat mempunyai pertalian keluarga terdekat sahaja iaitu pasangan (suami/isteri), ibu atau bapa atau adik-beradik.

- (i) Penambahan nama untuk pasangan, pemohon perlu mengemukakan salinan surat nikah /sijil daftar perkahwinan pasangan pemohon.
- (ii) Penambahan nama untuk ibu/bapa atau adik-beradik, pemohon perlu mengemukakan salinan surat beranak dan kad pengenalan ibu/bapa atau adik-beradik.

**APAKAH PERBEZAAN PENAWARAN SECARA MERIT DARIPADA SISTEM PENDAFTARAN RUMAH SELANGORKU DENGAN PENAWARAN TERBUKA ?**

PENAWARAN SECARA MERIT DARIPADA SISTEM PENDAFTARAN RUMAH SELANGORKU	PENAWARAN TERBUKA
Permohonan <b>berdasarkan isirumah</b> ( <i>pasangan iaitu suami dan isteri</i> )	Permohonan <b><u>bukan</u> berdasarkan isirumah</b> ( <i>pasangan iaitu suami/isteri</i> ) tetapi <b>berdasarkan <u>individu / pemohon sahaja</u></b> ;
Pasangan (kedua-duanya iaitu suami dan isteri) tidak memiliki kediaman	Pemohon sahaja tidak memiliki kediaman
Pendapatan isi rumah ( <i>suami dan isteri</i> ) tidak melebihi <b>RM 10,000-00 sebulan</b>	Pendapatan pemohon tidak melebihi <b>RM 10,000-00 sebulan</b>

Tarikh dikemaskini : 31 Januari 2017